

# Tunggu Haron Din, Subky<sup>14</sup> yang muncul — Dr. Mahathir

UM 21 NOV 1999

JITRA 20 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau menunggu-nunggu ketibaan Datuk Dr. Haron Din di pusat penamaan calon pagi ini kerana sebelum ini bekas pensyarah itu dikatakan berminat akan menentang di Kubang Pasu.

Menurut Presiden UMNO itu lagi, dia tidak menjangka akan menentang Subky Latif, sebaliknya meramalkan akan berhadapan dengan Harun.

“Mulanya saya ingatkan Haron Din nak lawan saya. Tapi Haron Din tak ada...pasal apa? Saya dok tunggu...dia pun doktor juga...tapi dia cuma air jampi sahaja,” ujarnya secara berseloroh.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas ditemuramah secara langsung oleh Radio Malaysia Kedah, di pejabat daerah Kupang Pasu, di sini hari ini.

Harun, minggu lalu membayangkan akan menentang Dr. Mahathir di Kubang Pasu sebelum memutuskan berpindah pula ke Perlis untuk melawan Datuk Seri Shahidan Kassim di Dewan Undangan Negeri Tambun Tulang. Bagaimanapun, sehingga pencalonan ditutup tengah hari ini, Harun tidak muncul-muncul.

---

## Orang tempatan

Sebelum itu, Dr. Mahathir menyerahkan borang pencalonan untuk bertanding di Parlimen Kubang Pasu di pejabat daerah yang menjadi Pusat Penamaan Calon bagi kawasan itu.

Perdana Menteri tidak mengangap pencabarnya, Subky boleh mendatangkan masalah besar kepadanya kerana beliau yakin penduduk di kawasan itu tahu untuk memilih pemimpin yang sebenar.

Lagipun, kata beliau, lawannya itu bukan orang tempatan kerana dia berasal dari Perak dan belum lagi membuat sebarang jasa kepada rakyat kawasan itu.

“Dia bukan orang sini, dia bukan orang Kedah, dia orang Perak. Apa jasa dia di sini? Apakah pengetahuannya tentang masalah penduduk di sini...apakah dia berharap akan mendirikan kerajaan di negeri ini,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau nampak harapan Subky untuk memenangi kawasan itu dalam pilihan raya kali ini agak tipis kerana penduduk di situ tahu memilih pemimpin.

Subky yang merupakan Ahli Jawatankuasa Pas Pusat adalah seorang wartawan veteran dan menjadi kolumnis akhbar rasmi Pas, Harakah.

Ditanya mengenai keyakinannya untuk memenangi sekali lagi kerusi yang diwakilinya selama lima penggal sejak tahun 1974 itu, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mahu terlalu yakin mengenai perkara itu.

Perdana Menteri turut mengingatkan pengundi bahawa pilihan raya bukan sekadar percakapan mengenai sesuatu isu tetapi ia adalah soal pemben-

tukan kerajaan yang boleh memimpin rakyat menghadapi cabaran alaf akan datang.

Beliau menegaskan, BN terbukti mempunyai pengalaman dalam menubuhkan kerajaan yang dikehendaki oleh rakyat.

---

## Tidak pernah menang

Sementara itu, Subky yang pernah bertanding dalam pilihan raya umum beberapa kali sebelum ini tidak pernah mencapai kemenangan dalam setiap pertandingan yang disertai.

Sambil menyifatkan dirinya sebagai ‘peluru berpandu’ Subky mendakwa dia mewakili majoriti rakyat Malaysia untuk menyelesaikan masalah negara yang tidak dapat diselesaikan oleh pemimpin UMNO.

Ditanya mengenai lawannya, Dr. Mahathir yang disifatkan ramai sebagai ‘gergasi’ politik tanahair, Subky berkata, beliau juga adalah ‘gergasi’

Sehubungan itu, beliau yakin dapat memenangi kerusi Parlimen tersebut dengan jangkakan mendapat lebih daripada 20,000 undi.